

## Afiq semakin aktif, lasak

**Kuala Terengganu:** “Saya gembira melihat dia yang semakin aktif dan lasak sejak kerangka yang dipakai di kepalanya sebelum ini dibuka pada Selasa lalu,” kata Norihanum Mat Nasir, 36, ibu kepada Muhammad Afiq Mohd Azwan, 2, yang mengalami sindrom Pfeiffer.

Menurutnya, anak tunggal lelaki daripada tiga ga beradik itu menjalani pembedahan membuka kerangka di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada Selasa minggu lalu selepas sebulan memakainya.

“Alhamdulillah, pembedahan itu berjalan dengan lancar dan Muhammad Afiq sendiri tidak mengalami apa-apa masalah sebelum kami dibenarkan pulang dua hari kemudian.

“Dia seolah-olah tidak sakit dengan keadaan menimpunya dan sebab itu saya katakan dia anak yang kuat serta mudah dijaga walaupun tidak normal seperti kanak-kanak seusianya.

“Selepas kerangka itu dibuka, saya nampak perubahannya apabila dia semakin lasak dan banyak bercakap sekali gus menunjukkan otaknya se-

makin berkembang,” katanya.

Norihanum yang juga seorang jururawat berkata, dia dan suaminya, Mohd Azwan Md Rasir, 39, berpuas hati apabila segala usaha, tenaga dan wang ringgit yang dikeluarkan untuk melihat anaknya membesar seperti kanak-kanak lain semakin menunjukkan hasil yang positif.

“Melihat keadaan Muhammad Afiq sekarang, segala penat lelah dan pengorbanan kami berbaloi.

“Sebagai ibu bapa, kami akan terus mencuba apa

juga kaedah untuk melihatnya sihat yang mana Muhammad Afiq perlu menjalani pemeriksaan setiap bulan di PPUM.

“Ia rutin bulanan kami kerana doktor mahu memantau keadaan dan perkembangannya. Mengenai peralatan lain yang ada pada tulang Muhammad Afiq, ia akan dibuka dalam tempoh tiga bulan lagi,” katanya.

Sebelum ini, dilaporkan Muhammad Afiq mengalami sindrom Pfeiffer hingga mempunyai masalah struktur tulang tengkorak dan muka yang sempit.

**FAKTA**  
Budak dua tahun selamat jalani pembedahan membuka kerangka di kepala

**KEADAAN**  
Muhammad Afiq selepas pembedahan membuka kerangka di kepalanya.

